

13/12/1998

Berkenalan dengan Dzhedzhe Shorash

MINGGU lalu kita berkenalan dengan El Nino dan adik perempuannya La Nina iaitu fenomena cuaca yang membawa kebaikan dan keburukan kepada penduduk sekitar Lautan Pasifik.

Minggu ini Kiau nak ajak pembaca budiman terbang dengan Kiau ke Hungary, England dan Amerika Syarikat untuk berkenalan dengan seorang yang bernama Dzhedzhe Shorash.

Kita kena terbang ke Hungary, di benua Eropah kerana di sanalah budak Yahudi bernama Shorash itu dilahirkan.

Dia dilahirkan di Budapest, ibu negara Hungary, pada tahun 1930. Entah mengapa tidak ada sebarang rekod yang mencatatkan hari dan bulan lahirnya. Hanya tahun.

Bapanya bernama Tivadar, seorang peguam manakala ibunya Elizabeth seorang suri rumah penuh masa. Shorash ada seorang abang yang namanya Paul. Paul seorang jurutera perunding.

Hidup awal Shorash diwarnai oleh penaklukan negaranya oleh Jerman pada permulaan Perang Dunia Kedua dan kempen 'penyelesaian mutakhir' yang dilancarkan oleh Hitler terhadap orang Yahudi.

Bagaimanapun, Shorash dan keluarganya tidak diapa-apakan oleh tentera Nazi walaupun mereka Yahudi. Malah, mereka hidup makmur.

Pada tahun 1947, Shorash berhijrah ke England dan akhirnya belajar di London School of Economics. Selepas lulus, Shorash bekerja dengan bank saudagar Singer & Friedlander di London.

Sepuluh tahun kemudian, pada tahun 1956, Shorash berhijrah pula ke Amerika Syarikat dan memasuki Wall Street di New York.

Jalan Wall ini adalah pusat perdagangan saham dan mata wang terbesar di dunia, dan Shorash mengambil sepenuh kesempatan untuk 'berniaga atas angin'.

Dia menjual-beli saham dan mata wang semata-mata untuk membuat keuntungan segera dan besar dengan menggunakan duit orang lain yang dipinjam atau yang diamanahkan kepadanya.

Tidak macam kita yang beli duit riyal Arab Saudi untuk berbelanja ketika menunaikan haji atau beli duit pound Inggeris kerana anak atau cucu kita belajar di England.

Juga bukan macam ahli perniagaan kita yang beli dolar Amerika kerana hendak mengimport bahan mentah dari luar negara atau peniaga Amerika yang beli ringgit untuk beli barang keluaran negara kita.

Shorash jual beli mata wang dan saham semata-mata untuk mencari capital gain atau keuntungan daripada kenaikan harga saham. Shorash tidak peduli kalau urusan jual belinya itu memuflikskan syarikat dan negara.

Shorash mempunyai falsafah yang aneh. Dia sering berkata pasaran bebas tidak bermoral. Tetapi dia menentang sebarang usaha mengawal pasaran bebas mata wang seperti yang dicadangkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam itu pula dia berkata dia bukanlah seorang yang berdosa walaupun mengambil bahagian cergas dalam pasaran bebas yang tak bermoral itu.

Shorash mula terkenal apabila menubuhkan tabung pelaburannya sendiri pada tahun 1969.

Ada orang kata Shorash berani. Ada kata dia tidak ikut amalan biasa apabila berniaga. Dan ada pula yang berkata dia tidak peduli kebajikan orang lain asal dia dapat keuntungan besar.

Ada juga pihak yang berkata Shorash memang dilahirkan 'jahat'. Waktu dia masih kanak-kanak di Budapest, dia diberi upah oleh sebuah pertubuhan

Yahudi untuk menjadi penghantar surat.

Surat yang diedarkannya itu mengarahkan orang Yahudi bersiap sedia untuk dipindahkan. Boleh jadi dia tidak tahu, tetapi pertubuhan Yahudi yang mengupahnya itu adalah tali barut Nazi dan banyak orang Yahudi yang dipindahkan itu akhirnya mati dalam kem tahanan Hitler.

Tembelang Shorash terdedah apabila dia sendiri mengaku dalam buku terbarunya "The Crisis of Global Capitalism" (Krisis Kapitalisme Antarabangsa) yang dia tidak pernah memikirkan kesan sosial kegiatannya menghuru-harakan ekonomi mana-mana negara.

Maka tidak hairanlah kalau tabung pelaburannya membuat keuntungan sehingga berpuluh kali ganda.

Misalnya nilai seunit pelaburan dalam tabung Shorash yang berharga AS\$41.25 pada tahun 1969 naik menjadi AS\$21,543.55 menjelang 1992.

Pada tahun 1992 nama Shorash menjadi terkenal dan dibenci oleh bank pusat dunia kerana melancarkan serangan ke atas mata wang pound sterling dan mematahkan usaha Bank of England mempertahankan nilai pound.

Shorash dengan bangga memberitahu dunia dia memperoleh keuntungan AS\$1 bilion (RM3.8 bilion) menyerang pound.

Dia kemudian mengalihkan pandangan dan menyerang mata wang lira Itali pula. Ekoran kegiatannya itu, sebuah mahkamah Itali mengeluarkan perintah tangkap terhadap Shorash jika dia memasuki Itali dengan tujuan menyerang pasaran mata wang dan saham.

Shorash mengecam dan berkata sebarang usaha mengawal kadar tukaran mata wang dan pengaliran bebas modal seperti kita lakukan akan memburukkan lagi ekonomi negara.

Tetapi Shorash tidak teragak-agak membelanjakan berbilion ringgit melabur dan membeli harta di Amerika Selatan seperti Argentina yang mengawal nilai mata wang mereka.

Shorash akan pergi ke mana saja dan lakukan apa juga asalkan boleh membuat keuntungan.

Tetapi sejak setahun dua ini, pergerakannya menjadi lebih terhad kerana kegiatan serta taktik serangannya sudah didedahkan. Banyak negara dan pemimpin mereka yang sebelum ini tidak menghiraukan kegiatan peniaga seperti Shorash sudah mula sedar ancaman terhadap ekonomi mereka.

Orang yang paling hadapan dan paling awal mendedah dan memberi kefahaman mengenai ancaman kegiatan spekulasi dan manipulasi Shorash dan pedagang mata wang lain ialah Perdana Menteri kita sendiri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebab itulah George Soros, ketua kepada segala peniaga mata wang, sangat bencikan beliau sehingga mahu beliau disingkirkan.

Dzjchdzhe Shorash dan George Soros adalah orang yang sama. Dialah peniaga mata wang yang mahu Dr Mahathir disingkir dan Datuk Seri Anwar Ibrahim dibebaskan dari penjara.

(END)